

DOKTOR KECEMASAN



Dr. Mohamed Rafi Fezal dan
Dr. Umma Wany Abda Hakim
Pakar Obstetri & Ginekologi
Hospital UMS

mencadangkan bahawa disfungsi seksual adalah umum (43 peratus wanita dan 31 peratus lelaki yang menghadapi kesukaran), ia adalah topik yang membuatkan ramai orang berasa malu, teragak-agak dan mengelak untuk berbincang.

Oleh kerana ada pelbagai pilihan rawatan, anda perlu berkongsi kebimbangan dengan pasangan dan doktor yang mahir untuk merawat supaya masalah ini tidak berlarutan dan memberi kesan kepada keharmonian rumah tangga.

Kategori disfungsi seksual

Gangguan keinginan: Kurangnya hasrat seksual atau minat kepada seks

Gangguan rangsangan: Ketidakupayaan untuk menjadi terangsang atau teruja secara fizikal semasa aktiviti seksual

Gangguan orgasma: Kelewatan terangsang atau ketiadaan orgasma (klimaks)

MASALAH RANGSANGAN SEKSUAL

Gangguan kesakitan:

Berasa sakit semasa bersetubuh

Disfungsi seksual boleh menjejaskan individu tidak kira usia, namun ia biasanya berlaku pada mereka yang berusia lebih 40 tahun kerana ia sering berkaitan dengan penurunan kesihatan akibat penuaan.

Gejala

Pada lelaki:

- Ketidakupayaan untuk mencapai atau mengekalkan ereksi yang sesuai semasa hubungan seks (disfungsi erektil)

- Ejakulasi tidak wujud atau tertangguh walaupun rangsangan seksual yang mencukupi (ejakulasi terbantut)

- Ketidakupayaan untuk mengawal masa ejakulasi (ejakulasi awal atau pramatang)

Pada wanita:

- Ketidakupayaan untuk mencapai orgasma

- Pelinciran vagina yang tidak mencukupi sebelum dan ketika bersetubuh

- Ketidakupayaan untuk melegakan otot faraj yang cukup untuk membolehkan hubungan seksual

- Kelonggaran vagina

Pada lelaki dan wanita:

- Kurang minat atau keinginan seks

- Ketidakupayaan untuk menjadi terangsang

- Sakit apabila bersetubuh

Punca

1. Faktor fizikal

- Banyak keadaan fizikal dan/atau masalah kesihatan boleh menyebabkan masalah kepada fungsi seksual.

- Keadaan ini termasuk penyakit kencing manis,

jantung dan vaskular (pembuluh darah), gangguan neurologi, ketidakseimbangan hormon, penyakit kronik seperti kegagalan buah pinggang atau hati, alkohol dan penyalahgunaan dadah.

- Di samping itu, kesan sampingan beberapa ubat, termasuk ubat antitekanan yang boleh menjejaskan fungsi seksual.

2. Faktor psikologi

- Ini termasuk tekanan dan kegelisahan berkaitan dengan kerja, kebimbangan mengenai prestasi seksual, masalah perkahwinan atau hubungan, kemurungan, rasa bersalah, kebimbangan tentang imej tubuh dan kesan trauma seksual masa lalu.

Bolehkah disfungsi seks dirawat?

Kejayaan rawatan

bergantung pada punca masalah. Disfungsi ringan berkaitan dengan tekanan, ketakutan atau kebimbangan biasanya dapat dirawat dengan baik melalui kaunseling, pendidikan, rawatan psikoterapi dan komunikasi yang lebih baik antara pasangan.

Selain itu, jika ubatan yang diambil menjadi punca disfungsi seksual, perubahan dalam dos ubat boleh membantu. Tidak dinafikan penggunaan ubat boleh membantu pasangan menghadapi masalah kekurangan hormon.

Bagi lelaki, ubat termasuk sildenafil (Viagra), tadalafil (Cialis), vardenafil (Levitra, Staxyn) dan avanafil (Stendra) boleh membantu meningkatkan fungsi seksual dengan meningkatkan aliran darah ke zakar.